

29 AUG 1996

LEAD Mahathir-Profesional

BUDAYA "MEDIOCRITY" HALANG USAHA IKTIRAF GOLONGAN PROFESIONAL

LABUAN, 29 Ogos (Bernama) -- Sektor awam negara ini akan terus kehilangan golongan tenaga profesional sekiranya pihak tertentu dalam sektor itu terus beranggapan kerajaan tidak perlu memberi pengiktirafan kepada golongan berkenaan melalui pemberian gaji yang lebih lumayan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata sikap sedemikian yang disifatkannya sebagai budaya "mediocrity" (kecekapan yang sederhana) boleh menghalang kerajaan daripada memberikan pengiktirafan sewajarnya kepada golongan profesional kerana mereka tidak melihat kecekapan dalam perkhidmatan sebagai satu keperluan.

"Budaya 'mediocrity' ini adalah satu sikap yang memberi keutamaan bukan kepada mereka yang tercekap, terpandai dan paling rajin di kalangan kita, tetapi (mengutamakan) mereka yang tidak cekap dan tidak peduli dengan masalah negara," katanya ketika merasmikan Hospital Nukleus Labuan di sini.

Berikutan itu, katanya, sektor awam akan terus kehilangan tenaga profesional berkenaan kepada sektor swasta yang mampu menawarkan gaji sehingga empat kali ganda lebih tinggi daripada apa yang mampu diberikan kerajaan.

"Kita menghadapi masalah ketika ini bukan kerana kita tidak berasa bertanggungjawab kepada rakyat untuk membekalkan segala kemudahan kepada mereka tetapi kita tidak dapat membekalkannya akibat persaingan sengit antara sektor swasta dan kerajaan," kata beliau.

Menurutnya kerajaan tidak dapat menahan tenaga profesional berkenaan untuk berhijrah ke sektor swasta akibat daripada persaingan berkenaan.

"Kerajaan cuma dapat meminta maaf kepada rakyat (kerana kekurangan tenaga profesional dalam sektor awam). Bukan kita tak nak (beri layanan lebih memuaskan kepada kalangan profesional), tetapi kita tidak dapat melakukannya kerana sekatan tertentu," kata Perdana Menteri.

Sekiranya kerajaan membayar gaji yang lebih berpatutan kepada golongan berkenaan, maka pegawai kerajaan lain yang tidak mempunyai kelulusan dalam teknikal dan profesional, akan turut meminta kenaikan yang serupa, katanya.

Perdana Menteri berkata: "Kalau kita membayar gaji yang lebih tinggi kepada mereka (golongan profesional), kita akan mendapat masalah daripada pihak lain yang berpendapat bahawa kerajaan tidak perlu memberi pengiktirafan kepada kecekapan, sebaliknya meminta kerajaan membayar gaji pada kadar seperti yang biasa dilakukan."

Dr Mahathir berkata, dulu jarak antara golongan profesional dan bukan profesional dalam perkhidmatan awam tidak dianggap penting kerana ketika itu belum wujud teknologi canggih yang memerlukan kepakaran khusus untuk mengendalikannya.

"Sekarang keadaannya berbeza. Kita perlu orang yang terlatih. Malangnya walaupun kita menganggap mereka itu perlu, kita tidak dapat memberi upah yang tinggi kerana yang lain akan meminta tambahan yang sama supaya jarak antara mereka sama seperti pada zaman yang belum mempunyai teknologi dahulu," katanya.

Bagi golongan profesional seperti doktor yang masih tetap berkhidmat dengan kerajaan sekalipun mendapat upah yang jauh lebih rendah, Perdana Menteri berkata: "Terima kasih...Kita tidak dapat buat apa-apa kecuali mengucapkan terima kasih."

Mengenai Hospital Nukleus Labuan yang berharga RM70 juta itu, beliau berkata kemudahan moden yang ada di hospital itu adalah sejajar dengan kemajuan pesat yang dicapai pulau Labuan.

Katany penyediaan kemudahan itu dan pelbagai kemudahan lain di pulau Wilayah Persekutuan itu, akan meyakinkan pelabur dan pelancong untuk datang ke pulau berkenaan.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng, Anggota Parlimen Labuan Abdul Mulok Awang Damit serta ketua-ketua jabatan persekutuan dan negeri.

-- BERNAMA

JS NMO